

CNS6265

R GB 02-07 00179 BA855

Aab

Mahathir - China

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

BUENOS AIRES, 2 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Isnin berkata bahawa China akan secara perlahan-lahan menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi dunia walaupun beliau berpendapat tidak ada sebab bagi negara itu berubah dari segi ideologinya.

Beliau memberitahu satu kumpulan 200 ahli perniagaan, kaum intelek dan pemimpin pendapat umum Argentina di sini bahawa China tidak langsung mengetahui mengenai demokrasi sejak 4,000 tahun lepas.

+Hanya kerana beberapa penuntut menunjuk perasaan di Medan Tien-an-Mien tidak bermakna satu bilion rakyat China tiba-tiba menjadi demokratik,+ katanya ketika menjawab satu soalan mengenai bagaimana beliau melihat masa depan China selepas kemasukan Hong Kong pada tahun 1997.

Beliau berkata: +Tetapi ia boleh menyesuaikan diri kepada dunia yang menuju ke arah satu pasaran ekonomi yang baru. Jadi, apabila Hong Kong menyertai China, ia akan mempunyai satu pengaruh yang positif terhadap China sendiri.+

Perdana Menteri berkata China mahukan perdagangan kerana ia perlu mendapatkan wang untuk meningkatkan taraf hidup rakyatnya. -- Lagi.

♥02/07/15-47MST

CNS6273

U GB 02-07 00127 BA856

Aab

Mahathir - China 2 Buenos Aires

Beliau berkata Malaysia bekerja rapat dengan China walaupun negara itu mempunyai ideologi politik yang berlainan dengan Malaysia.

+Saya berpendapat dolar Amerika mempunyai nilai yang sama dengan nilainya kepada kita,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan kepada bakal-bakal pelabur yang berminat melabur di rantau Asia Timur bahawa mereka tidak perlu bimbang untuk membuat pelaburan itu memandangkan perkembangan yang dijangkakan di rantau itu selepas 1997.

Ketika bercakap pada persidangan akhbar selepas itu, beliau berkata Malaysia tidak membantah negara-negara di rantau Asia-Pasifik yang hendak menyertai Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang dipelopori oleh Amerika Syarikat.

Pada hakikatnya, Malaysia menyambut baik keanggotaan negara-negara berkenaan tanpa mengira sistem ekonomi mereka, katanya. -- Lagi.

♥02/07/15-53MST

CNS6336

U GB 02-07 00140 BA864

Aab

Mahathir - China 5 Buenos Aires

Sebelum itu, Perdana Menteri, yang tiba di sini pada hari Ahad bagi pusingan akhir lawatannya ke Amerika Latin, telah mengadakan rundingan dengan Presiden Argentina, Carlos Menem di pejabat Presiden di Pink House.

Mereka bertukar-tukar darjah kebesaran untuk melambangkan kekukuhan hubungan dua hala antara Malaysia dan Argentina.

Perdana Menteri, bagi pihak Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, menyampaikan anugerah tertinggi Malaysia, Darjah Utama Sri Mahkota Negara (kehormat) yang membawa gelaran Tun kepada Presiden Menem.

Presiden Menem pula menyampaikan anugerah tertinggi Argentina, Order of St Martin kepada Datuk Seri Dr Mahathir.

Pada malam ini, Perdana Menteri, isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan anggota-anggota kanan rombongannya akan diraikan pada jamuan malam di Istana Presiden, San Martin. -- Lagi.

♥02/07/16-41MST

CNS6338

U GB 02-07 00080 BA865

Aab

Mahathir - China 6 Buenos Aires

Sebelum itu, kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian antara kedua-dua negara.

Perjanjian itu -- perjanjian ekonomi, perdagangan, saintifik dan kerjasama teknikal dan perjanjian perdagangan -- ditandatangani oleh Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Rafidah Aziz bagi pihak Malaysia.

Argentina diwakili oleh Menteri Ekonomi, Encik Domiago Cavallo, yang juga pemangku Menteri Luar. -- Bernama.

♥02/07/16-43MST